

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

29.2 peratus remaja alami masalah mental

SEBANYAK 2,343 sekolah terlibat dalam saringan minda sihat melalui Program Minda Sihat Sekolah yang telah bermula sejak 2011.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, program tersebut merupakan kolaborasi yang dibuat Kementerian Kesihatan bersama Kementerian Pendidikan bagi menangani masalah kesihatan mental di kalangan pelajar.

Menurutnya, mengikut kajian yang dibuat Kementerian Kesihatan pada 2015, prelevan masalah kesihatan mental dalam kalangan orang dewasa berumur 16 tahun ke atas adalah 29.2 peratus.

"Peratusan ini merujuk kepada mereka yang mengalami masalah kesihatan mental dan bukannya penyakit mental," katanya menjawab soalan Rubiah Wang (BN - Kota Samarahan) yang meminta kementerian menyatakan kolaborasi strategik bagi mengatasi masalah kesihatan mental golongan remaja yang mengakibatkan perilaku ganas seperti buli di sekolah dan pendidikan tinggi.

Tambah Hilmi, impak daripada program ini, modul intervensi serta program pencegahan dihasilkan bagi meningkatkan kemahiran gaya daya tindak pelajar apabila berhadapan sesuatu



HILMI

masalah termasuk buli.

"Selain itu, pelajar yang dikenal pasti mempunyai masalah kesihatan mental hasil saringan minda sihat ini akan dirujuk ke fasiliti kesihatan yang berdekatan setelah mendapat persetujuan ibu bapa serta penjaga.

"Sehingga kini, kementerian menyediakan perkhidmatan psikiatri di empat buah institusi mental dan 48 hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Di peringkat kesihatan primer juga terdapat 671 klinik kesihatan yang memberi perkhidmatan kesihatan mental," katanya.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan juga dalam usaha mengadakan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melaksana saringan minda sihat bagi pelajar kolej komuniti.

Jelasnya, usaha ini diharapkan dapat beri pendidikan dan kesedaran kepentingan kesihatan mental.